



PERUTUSAN Pengerusi

MESYUARAT NATIONAL SHIPPING AND PORT COUNCIL (NSPC)

Khamis, 6 November 2025, 2.30 Petang

Palm Garden Hotel, Putrajaya

Salam sejahtera dan selamat petang kepada,

- ☐ YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah
Timbalan Menteri Pengangkutan
- ☐ YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
- ☐ YBhg. Dato' Normah binti Osman
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOT
- ☐ YBrs. Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), MOT
- ☐ Pengerusi-pengerusi *Advisory Council* NSPC
- ☐ Wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan
- ☐ Wakil-wakil industri Perkapalan dan Maritim negara
- ☐ Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Kejayaan

1. Sektor maritim negara merupakan *linchpin* kepada pertumbuhan segenap bidang-bidang ekonomi negara dan berperanan dalam merencanakan perdagangan negara, dengan mengambil kira 96.4% perdagangan Malaysia dikendalikan melalui dagangan laut (*seaborne trades*).
2. Keberhasilan kecekapan ekosistem sektor maritim negara terbukti apabila prestasi perdagangan Malaysia pada tahun 2024 mencatatkan nilai import dan eksport sebanyak RM2.879 trilion, dengan menghasilkan lebihan dagangan (*trade surplus*) sebanyak RM136.88 bilion yang merupakan nilai tertinggi sejak tahun 1998.
3. Pada tahun 2024, sektor maritim negara juga mencapai kejayaan terbesar di mana:
 - 3.1 Lloyd's List International mengumumkan Pelabuhan Klang sebagai 10 pelabuhan kontena paling tersibuk dunia dalam senarai liga 100 Pelabuhan Utama Dunia 2025;
 - 3.2 Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatatkan rekod tertinggi dalam pengendalian kontena yang melangkaui 12.25 juta TEU pada tahun 2024 dan diiktiraf sebagai pelabuhan Ke-5 paling cekap di bawah *World's Container Port Performance Index* (CPPI); dan

- 3.3 Berdasarkan kepada *Global Liner Shipping Connectivity Index (LSCI)* yang dikeluarkan oleh *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* 2025, Malaysia di antara 10 negara utama dunia yang mempunyai jaringan tersambungan perkapalan tertinggi dunia dan Malaysia terletak ditangga ke-4 di kalangan negara-negara Asia Pasifik yang mempunyai *LSCI* tertinggi.

Dasar Kerajaan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Kejayaan cemerlang Malaysia dalam sektor maritim negara, khususnya dalam sektor pelabuhan pada hari ini merupakan hasil perancangan Kerajaan bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-4 (1981-1985), dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebagai Negara Maritim.
5. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-13, Kerajaan bertekad untuk membangunkan sektor perkapalan negara dengan menggiatkan pelbagai inisiatif dalam mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal pendaftaran asing, di mana telah memberikan kesan negatif kepada ekonomi dan ekosistem perkapalan negara.
6. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 dan *Malaysia Blue Economy Blueprint*, Kerajaan telah membariskan inisiatif-inisiatif teras dalam memperkasakan sektor perkapalan negara, di antaranya:

- 6.1 Kerajaan akan terus memberikan tumpuan untuk membantu syarikat-syarikat perkapalan tempatan, khususnya dalam aspek pembiayaan kapal (*ship financing*) bagi membolehkan mereka melaksanakan perolehan kapal baharu (*ship acquisition*) dengan lebih berdaya saing. Inisiatif ini disasarkan untuk mencapai 136 buah pemilikan kapal baharu menjelang tahun 2030, selaras dengan aspirasi RMKe-13 ke arah memperkukuh kapasiti dan mempertingkatkan keupayaan daya saing industri perkapalan negara;
- 6.2 Pemerkasaan industri *Ship Building and Ship Repair* (SBSR) negara dengan memberi tumpuan kepada usaha menarik pelaburan domestik dan antrabangsa;
- 6.3 Membangunkan sektor bunker negara dengan sasaran menjadikan Malaysia sebagai hub bunker di Asia Pasifik menjelang tahun 2030;
- 6.4 Merombak dan memperkemas kerangka pentadbiran dan pengurusan regim pendaftaran kapal Malaysia;
- 6.5 Memperkasakan institusi latihan kelautan dan maritim negara; dan
- 6.6 Reformasi pindaan Undang-undang perkapalan dan maritim negara secara komprehensif, yang merentasi agensi, bagi memastikan barisan undang-undang negara kekal relevan dalam mengiatkan ekonomi dan menjaga kepentingan negara serta menjaga kepentingan

stakeholders maritim di peringkat domestik dan antarabangsa.

7. Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan juga sedang membangunkan *Malaysia Maritime Master Plan* (MMM) 2026 – 2040 dan *Marine Spatial Planning* (MSP). Kedua-dua dokumen ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan dan industri perkapalan dan maritim negara dalam mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara Maritim.

Pemeriksaan *Malaysia Maritime Green 2025-2026*

Ahli-ahli Mesyuarat yang dihormati sekalian,

8. Malaysia sebagai negara anggota *International Maritime Organisation* (IMO), sentiasa komited dalam melaksanakan langkah-langkah global ke arah pengurangan pelepasan karbon (*decarbonisation*) dalam sektor maritim.

9. Susulan daripada keputusan mesyuarat *2nd Extraordinary Session of the IMO's Marine Environment Protection Committee* (MEPC/ES.2) pada 17 Oktober 2025, penguatkuasaan *IMO-Net-Zero Framework* ditangguhkan oleh IMO selama satu tahun. *IMO-Net-Zero Framework* merupakan kaedah bagi membolehkan negara-negara anggota IMO dalam mengurangkan *Green House Gas* (GHG) kepada sifar peratus (0%) menjelang atau sekitar tahun 2050.

10. Walaupun IMO menangguhkan penguatkuasaan *IMO-Net-Zero Framework* sehingga November 2026, tetapi kerja-kerja

memperkemas garis panduan *IMO-Net-Zero Framework* tetap diteruskan. Untuk maksud tersebut, MOT telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas *IMO-Net-Zero Framework*, yang dianggotai oleh agensi-agensi Kerajaan dan *subject matter experts* daripada industri perkapalan negara dalam membantu Kerajaan membuat ketetapan dasar di peringkat IMO berhubung hala tuju dan penguatkuasaan *IMO-Net-Zero Framework*.

11. Sejajar dengan agenda *decarbonisation*, MOT dengan kerjasama Kerajaan Australia turut membangunkan kerangka dasar dan undang-undang melibatkan *green bunkering* dalam menggalakkan penggunaan bahan api alternatif rendah karbon, seperti LNG, biofuel dan methanol, dalam usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau daripada kapal serta menyokong peralihan industri maritim ke arah tenaga bersih dan mampan. Langkah ini amat penting bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab maritim hijau serantau yang berdaya saing.

Penutup

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Mesyuarat NSPC pada hari ini akan menimbang tujuh (7) Kertas Pertimbangan *Dasar (a white paper)* daripada Kerajaan dan industri bagi membolehkan syor-syor berkenaan diterjemahkan sebagai Dasar Kerajaan jika dipersetujui untuk dilaksanakan bagi tahun 2026.

13. Kertas-kertas ini adalah penting dalam usaha memperkasakan sektor perkapalan dan maritim negara selaras dengan aspirasi RMKe-13.

14. Saya juga difahamkan sekretariat NSPC akan membentangkan Laporan Kemajuan inisiatif-inisiatif yang telah disempurnakan dan sedang dilaksanakan oleh sektor maritim sepanjang tahun 2025 untuk makluman ahli-ahli mesyuarat.

Dengan ini, saya menyerahkan mesyuarat kepada Sekretariat NSPC untuk agenda seterusnya.

Terima kasih.

**Kementerian Pengangkutan,
Malaysia.**

Khamis, 6 November 2025.